SURAT PEKELILING
PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG
BILANGAN 2 TAHUN 2018

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BAJET TAHUN 2019

---

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Anggaran Bajet Mengurus dan Pembangunan tahun 2019.

2. SENARIO EKONOMI DAN FISKAL NEGARA

2.1 Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus berkembang pesat meskipun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu. Berdasarkan momentum kegiatan ekonomi domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luaran yang lebih baik, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya.

2.2 Bagi 2018, prospek ekonomi Malaysia dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhan kukuh dengan KDNK diunjur berkembang antara 5 peratus dan 5.5 peratus diterajui oleh permintaan domestik yang berdaya tahan serta prestasi eksport yang lebih baik sejajar dengan perkembangan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang menggalakkan. Perbelanjaan sektor swasta akan terus memacu pertumbuhan disokong oleh dasar pro-pertumbuhan fiskal dan kewangan akomodatif dalam persekitaran inflasi yang stabil. Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi diunjur mencatat pertumbuhan positif, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan sektor perkhidmatan akan dipacu oleh aktiviti subsektor perdagangan borong dan runcit serta maklumat dan komunikasi. Sektor pembuatan pula dijangka disokong oleh peningkatan industri berorientasikan eksport dan industri domestik yang berdaya tahan.

2.3 Meskipun prospek ekonomi dan perdagangan dunia kekal positif, Malaysia sebagai negara yang mengamalkan ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada cabaran persekitaran luaran yang boleh menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi. Cabaran ini antara lain termasuk, ketidaktentuan dasar negara maju, peningkatan dasar perlindungan, volatiliti pasaran kewangan antarabangsa, perubahan geopolitik antarabangsa dan harga komoditi yang tidak menentu.

2.4. Harga minyak mentah global, Brent mencatat purata USD54.40 setong pada 2017 berbanding purata USD44.05 setong pada 2016. Dengan komitmen daripada Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC untuk menghadkan pengeluaran dunia, harga Brent dijangka berada dalam trend meningkat pada 2018. Pada 12 Februari 2018, harga Brent terus mencatat peningkatan kepada USD 62.40 setong.

2.5 Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran ekonomi global, Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal negara terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang. Bagi tujuan ini, di bawah Program Transformasi Fiskal, Kerajaan terus melaksanakan inisiatif Pembaharuan Kewangan Awam yang merangkumi langkah menambah baik institusi dasar fiskal, mengukuhkan pentadbiran dan meningkatkan pematuhan cukai, mengoptimum perbelanjaan serta memantapkan pengurusan dan kawalan bajet untuk memperkukuh kedudukan kewangan dan menyokong kestabilan makroekonomi negara. Selain itu, Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (Medium-Term Fiscal Framework) terus menjadi mekanisme perancangan utama Kerajaan untuk memacu langkah konsolidasi fiskal.

2.6 Paras defisit fiskal bagi tahun 2017 telah mencatat 3 peratus daripada KDNK dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Setelah mengambil kira anggaran peningkatan hasil yang selari dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi serta keperluan perbelanjaan awam, paras defisit fiskal bagi tahun 2018 disasarkan pada 2.8 peratus daripada KDNK. Paras defisit ini akan dikurangkan secara berperingkat selaras dengan usaha konsolidasi fiskal ke arah mencapai bajet hampir berimbang pada tahun 2020. Langkah ini juga adalah untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terkawal dan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK bagi menyediakan ruang fiskal untuk melindungi ekonomi negara daripada kesan negatif ketidaktentuan ekonomi global pada masa hadapan. Pengukuhan kedudukan fiskal penting bagi memastikan kemampanan fiskal jangka panjang negara supaya penarafan kredit berdaulat negara berada pada kedudukan yang lebih baik dan tidak menjejaskan keyakinan para pelabur.

2.7 Kejayaan Malaysia dalam melaksanakan pelbagai program transformasi telah banyak membawa perubahan pada lanskap ekonomi negara termasuk keupayaan mengekalkan pertumbuhan melalui kepelbagaian struktur ekonomi dan meningkatkan daya saing. Penekanan terhadap pencapaian outcome berimpak tinggi, peningkatan produktiviti, inovasi dan kreativiti melalui automasi dan ekonomi digital; dan pemerkasaan usahawan kecil dan sederhana akan terus diperkukuhkan pada 2019. Selain itu, negara juga berada pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan Revolusi Perindustrian 4.0 yang menghasilkan pembuatan pintar dalam proses pengeluaran bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti, pulangan pelaburan, gabungan teknologi dan *megatrend* industri. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat bertambah baik melalui penyertaan aktif dalam proses pembangunan ekonomi negara. Hal ini menunjukkan Kerajaan dan rakyat seiring dalam mencapai kemajuan negara sekaligus dapat mencapai sasaran negara maju yang inklusif dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 serta menggandakan ekonomi kepada RM2 trilion menjelang 2025.

3. SENARIO EKONOMI NEGERI

3.1 Negeri Pahang menyumbang 4.4 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara pada tahun 2016. Pada tahun 2015, angkanya adalah 4.2 peratus. Pada tahun 2016, nilai pelaburan yang dapat ditarik ialah sebanyak RM5.2 bilion berbanding pada tahun 2015, nilainya adalah sebanyak RM3.9 bilion.

3.2 Kadar pengangguran di Negeri Pahang Darul Makmur pada tahun 2016 ialah 2.6 peratus. Kadar di peringkat nasional adalah 3.4 peratus. Sektor perkhidmatan masih merupakan penyumbang terbesar iaitu RM22.93 bilion atau 49 peratus kepada KDNK Ekonomi Negeri pada tahun 2016.

3.3 Dalam tempoh *Rolling Plan* pertama Rancangan Malaysia keSebelas (2016-2017) pula, sebanyak 331 projek dengan nilai pelaburan melebihi RM2.4 bilion telah diluluskan.

3.4 Rancangan Malaysia KeSebelas (RMK11) merupakan rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Negeri maju. Ia akan mengukuhkan lagi komitmen Kerajaan Negeri untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

3.5 Kerajaan Negeri perlu menguruskan hasil Negeri secara berhemah. Pegawai Pengawal perlu memastikan :

3.5.1 Kawalan terhadap Belanja Mengurus diperketat;
3.5.2 Mengurangkan perbelanjaan yang kurang kritikal;
3.5.3 Mengelakkan pembaziran; dan
3.5.4 Memastikan pengurusan kewangan dilakukan dengan cekap.

3.6 Tahun 2019 adalah tahun kedua pelaksanaan RMK-11 dan Kerajaan Negeri akan terus komited meneruskan agenda Pembangunan Negeri. Pegawai Pengawal perlulah memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut :

3.6.1 Hasil Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan;
3.6.2 Melaksanakan langkah berjimat-cermat dan kawalan dalaman yang lebih berdisiplin;
3.6.3 Menumpukan kepada '*Core Business'* Jabatan;
3.6.4 Memastikan semua perbelanjaan komited terutama yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;

3.6.5 Penyelenggaraan aset kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan diberi keutamaan; dan

3.6.6 Memastikan keupayaan kewangan melaksanakan program dan aktiviti diambil kira semasa mengemukakan permohonan.

4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

4.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengambil daya usaha yang lebih serius untuk menganggar dan memungut setiap jenis hasil iaitu hasil bagi tahun semasa dan juga tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut :

4.1.1 Jumlah hasil bagi tiap-tiap jenis hasil yang sebenar dan sepatutnya dipungut bagi tahun 2019;

4.1.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2019 yang boleh dipungut dalam tahun berkenaan;

4.1.3 Jumlah tunggakan tiap-tiap jenis hasil yang terkumpul tahun sebelumnya yang boleh dipungut dalam tahun 2019; dan

4.1.4 Baki tunggakan terkumpul (tunggakan tahun-tahun sebelum yang tidak dapat dipungut dalam tahun semasa).

4.2 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci dengan mengambil kira asas-asas yang tepat mengenai kadar, jumlah dan sebagainya yang menentukan jumlah setiap jenis hasil sepatutnya dipungut bagi satu-satu tahun.

4.3 Penyediaan Anggaran Hasil 2019 hendaklah mengikut garis panduan di atas dan menggunakan format ABM-7A, ABM-7B dan ABM-7C.

5. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS

5.1 Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan menyediakan cadangan Belanja Mengurus yang jelas setelah mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja Jabatan. Ini adalah untuk mempastikan Pegawai Pengawal dapat menguruskan peruntukan jabatan dengan cekap dan berkesan.

Batas Perbelanjaan 2019

5.2 Sebagai makluman, formula Pengiraan Batas Perbelanjaan 2018 adalah seperti berikut :-

Batas Perbelanjaan 2019 = Dasar Sedia Ada 2018 + Dasar Baru 2018 + 3 % Kenaikan Emolumen (OS 11000)

5.3 Agihan kepada Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang hendaklah dibuat berdasarkan kepada format yang mengandungi :

5.3.1 Anggaran Peruntukan Mengikut Aktiviti (Batas Perbelanjaan); dan

5.3.2 ABM-7

Dasar Baru dan *One Off*

5.4 Cadangan Dasar Baru, *One Off*, Cadangan Penjimatan serta lampiran-lampiran sampingan hendaklah dikemukakan untuk tahun 2019. Dalam mengemukakan permohonan untuk Dasar Baru, Pegawai Pengawal adalah diminta mengambil perhatian kepada perkara berikut :-

5.4.1 Permohonan Dasar Baru telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau yang berkaitan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan;

5.4.2 Cadangan Penjimatan hendaklah dikemukakan sekiranya terdapat penjimatan kos akibat pemansuhan atau pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses;

5.4.3 Cadangan Dasar Baru dan *One Off* hendaklah diisi menggunakan format berikut;

5.4.3.1 ABM-4 (Ringkasan Dasar Baru dan *One Off*)

5.4.3.2 ABM-5 (Cadangan bagi setiap Dasar Baru / *One Off*); dan

5.4.3.3 ABM-6 (Cadangan Penjimatan bagi setiap Dasar Baru dan *One Off*);

5.5 Hala tuju pembangunan sepanjang tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2016 hingga 2020 merangkumi tujuh (7) strategi iaitu :-

5.5.1 Meningkatkan akses dan kapasiti jaringan darat, udara dan laut bagi menangani jurang pembangunan;

5.5.2 Membesarkan kapasiti utiliti – air, elektrik dan komunikasi;

5.5.3 Memantapkan modal insan;

5.5.4 Menambah nilai sektor produktif – pertanian, pembuatan dan pelancongan;

5.5.5 Melebarkan jaringan sosial bagi menangani jurang pembangunan ;

5.5.6 Meningkatkan kualiti hidup; dan

5.5.7 Memantap dan meningkatkan pelaburan.

5.6 Pegawai Pengawal mesti merancang pelaksanaan projek dengan cekap. Pegawai Pengawal dan Agensi Pelaksana Projek perlu memastikan bahawa nilai wang (*value for money*) bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas projek pembangunan menghasilkan output dan impak maksimum yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, Pegawai Pengawal perlu menyenarai utamakan projek-projek yang

hendak dilaksanakan dan peruntukan yang dipohon perlulah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan sebenar dan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

6. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS

6.1 Selaras dengan penetapan hala tuju pembangunan tersebut, semua senarai projek yang akan dipertimbangkan hendaklah berdasarkan kepada fokus tersebut. Pegawai Pengawal mesti mendapatkan kelulusan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) untuk melaksanakan projek-projek sebelum mengemukakan cadangan bajet bagi mendapatkan peruntukan.

6.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon telah mengambilkira keupayaan melaksana oleh semua pihak yang berkenaan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut. Bagi tujuan ini, jabatan dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.

6.3 Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan token pada tahun 2018 bagi projek-projek yang pelaksanaan fizikalnya dirancang bermula pada tahun 2019 khususnya peruntukan untuk membiayai kerja-kerja awalan projek seperti pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah, kajian kemungkinan serta urusan dokumentasi tender. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek baru, ianya bergantung pada dasar yang akan dikeluarkan oleh BPEN nanti.

7. PERJAWATAN

7.1 Kerajaan Negeri akan memastikan jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam negeri bersesuaian bagi memastikan jabatan Kerajaan terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera penyampaian. Di dalam menimbang penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Kerajaan Negeri akan terus berpandukan kepada dasar-dasar sedia ada seperti meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi mapan dan meningkatkan pembangunan sumber manusia.

7.2 Permohonan peruntukan untuk jawatan kosong (tidak diisi) hendaklah berdasarkan kepada kesesuaian tempoh pengisian yang dianggap munasabah. Untuk tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan kepastian dari Pejabat Setiausaha Kerajaan mengenai pengisian jawatan tersebut. Keperluan peruntukan untuk jawatan kosong hendaklah dipohon dengan mengisi format ABM-3B bagi tempoh **6 bulan gaji.**

8. PENYAMPAIAN CADANGAN BELANJAWAN 2019

8.1 Tatacara menyediakan Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2019 adalah seperti di Lampiran 1, Lampiran 2 dan Lampiran 3.
Format-format yang perlu diisi adalah seperti berikut :

LAMPIRAN 1 – Anggaran Hasil

(i) Format ABM-7A - Ringkasan Hasil Mengikut Objek sebagai.
(ii) Format ABM-7B - Butiran Hasil Mengikut Objek Lanjut.
(iii) Format ABM-7C - Anggaran Hasil Tahun 2019.

LAMPIRAN 2 – Anggaran Belanja Mengurus

(i)	Format ABM-1	-	Ringkasan Eksekutif	Dikemukakan secara berasingan daripada ABM yang lain
(ii)	Format ABM-2	-	Perjanjian Program	
(iii)	Format ABM-3	-	Ringkasan Kedudukan Keanggotaan.	
(iv)	Format ABM-3A	-	Keterangan Mengenai Emolumen.	
(v)	Format ABM-3B	-	Keterangan Mengenai Jawatan Kosong.	
(vi)	Format ABM-4	-	Ringkasan Cadangan Dasar Baru dan *"One Off".*	
(vii)	Format ABM-5	-	Cadangan Dasar Baru dan *"One Off".*	
(viii)	Format ABM-6	-	Cadangan Penjimatan.	
(ix)	Format ABM-7	-	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun Mengikut Objek Am dan Objek Sebagai.	

LAMPIRAN 3 – Anggaran Belanja Pembangunan

(i)	AP-1	-	Belanja Pembangunan Jabatan Tahun 2019 Bagi Projek-projek Pembangunan.
(ii)	AP-2	-	Justifikasi Anggaran Pembangunan.
(iii)	Lampiran AP	-	Maklumat Skop Projek Pembangunan.

8.2 Cadangan Anggaran Belanjawan Tahun 2019 hendaklah **dikemukakan** kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **pada atau sebelum 4 Mei 2018 (Jumaat)** dengan jumlah salinan seperti berikut :

(i) Cadangan Anggaran Belanja Mengurus dalam lima (5) salinan (ABM-3 hingga ABM-7). **Asingkan Ringkasan Eksekutif dan Perjanjian Program tiga (3) salinan;**

(ii) Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan dalam enam (6) salinan, satu (1) salinan hendaklah dikemukakan terus kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. **Projek-projek yang diperakukan oleh BPEN sahaja yang akan dipertimbangkan ; dan**

(iii) Cadangan Anggaran Hasil dalam lima (5) salinan.

8.3 Pegawai Pengawal dikehendaki memasukkan Data Belanjawan untuk Tahun 2019 ke dalam Sistem SPEKS – Modul Bajet. Sila rujuk Manual SPEKS Sistem Belanjawan yang telah diedarkan kepada semua Pegawai Pengawal. Kemasukan Data Belanjawan dalam Sistem SPEKS perlu disiapkan selepas pemeriksaan bajet dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang.

9. PEMERIKSAAN BELANJAWAN 2019

9.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus dan Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan akan diadakan mulai bulan **Jun 2018**. **Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan hadir sendiri** bersama **pegawai-pegawai yang terlibat** secara langsung dengan pengurusan kewangan Jabatan serta membawa dokumen-dokumen seperti berikut :-

(i) Laporan Prestasi Perbelanjaan 2017 & 2018 (terkini); dan

(ii) Surat / Dokumen lain yang menyokong permohonan peruntukan Dalam Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus / Pembangunan Tahun 2019. Permohonan *One Off* hendaklah disertakan dengan tiga (3) Sebut Harga (*quotation*) sebagai asas kepada jumlah yang dipohon.

10. **LAPORAN PENGECUALIAN TAHUNAN**

10.1. Laporan Pengecualian Tahunan merupakan satu laporan untuk menjelaskan petunjuk prestasi (kewangan / bukan kewangan) yang mana pencapaian *input / output* terkeluar dari tahap varian yang dipersetujui dalam Perjanjian Program. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang **sebelum 30 Mac 2019** menggunakan format seperti di **Lampiran A**.

11. **PENUTUP**

11.1. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya memberikan **perhatian serius** dalam merancang dan menyediakan Anggaran Bajet Tahun 2019 bagi jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' INDERA HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

Bertarikh : 3 April 2018

Lampiran A

LAPORAN PENGECUALIAN

1. Agensi / Jabatan :
2. Program :
3. Aktiviti :

Petunjuk	Peringkat Prestasi				Alasan-alasan Perbezaan Prestasi	Cadangan Tindakan Untuk Memperbaiki Keadaan
	Persetujuan	Pencapaian	Varian Dipersetujui	Varian Sebenar*		
Nyatakan Perbelanjaan Objek Am dan Output yang pencapaian prestasinya untuk tahun lalu tidak selaras dengan pencapaian yang dipersetujui dalam Borang-borang ABM-2 dan dalam Perjanjian Program						

Nota : * Varian sebenar = (Pencapaian - Persetujuan) x 100
Persetujuan

.....
(Tandatangan Pegawai Pengawal)

Tarikh :